

EKSPRESI BAHASA DALAM MEDIA SOSIAL



MEDIA sosial dipacu oleh teknologi berasaskan komputer yang membantu dan memudahkan manusia berkongsi cerita, idea, pendapat, dan maklumat melalui pembinaan rangkaian maya dalam komuniti.

KOMPUTER, telefon bimbit atau peranti yang menggunakan teknologi ini menjadi bahagian penting dalam kehidupan harian manusia sebagai saluran komunikasi maya. Pendek kata, kemunculan media sosial telah membuka ruang baharu yang signifikan sebagai saluran komunikasi.

Dari segi teknikalnya, media sosial ialah satu bentuk media yang digunakan secara dalam talian dengan membolehkan para penggunanya berkomunikasi tentang apa-apa sahaja. Andreas Kaplan dan Michael Haenlein (2010) dalam tulisan mereka bertajuk "Users of the World, Unite!" mendefinisikan media sosial sebagai satu kumpulan aplikasi berasaskan Internet yang membangun atas dasar ideologi dan teknologi web 2.0. Maka itu, jelas bahawa media sosial mengajak sesiapa sahaja yang berminat untuk "berhibur" dengan memberikan pandangan, pendapat, idea dan maklum balas secara terbuka, memberikan komen, serta berkongsi maklumat dalam masa yang cepat dan tanpa batasan. Media sosial ikut membangun dengan pesat seiring dengan kemajuan teknologi Internet dan kecanggihan telefon bimbit. Kini, mengakses media sosial boleh dilakukan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa dengan hanya menggunakan telefon bimbit.

WhatsApp pula menjadi aplikasi yang pasti ada pada telefon bimbit dan muncul sebagai medium utama untuk berhubung dengan sesiapa sahaja sama ada secara peribadi ataupun kumpulan.

Di Malaysia, pengguna media sosial ialah sebanyak 28.7 juta (Persatuan Pengguna Siber Malaysia,



Penggunaan perkataan yang menggabungkan huruf dan angka dalam komunikasi media sosial.

2018). Angka ini menunjukkan jumlah pengguna media sosial di Malaysia mencecah hingga 80 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi penduduknya. Statistik tersebut membuktikan bahawa saluran komunikasi melalui media sosial menjadi pilihan penduduk di Malaysia sebagai platform untuk saling menyampaikan maklumat, berkongsi idea dan meluahkan perasaan. Bagi mencapai tujuan komunikasi tersebut, berlaku modifikasi, modenisasi, kreativiti dan manipulasi bahasa yang digunakan oleh pengguna media sosial.

Modifikasi bahasa dalam komunikasi media sosial dapat ditemukan dalam berbagai-bagai bentuk. Harus diakui bahawa melalui media sosial, bahasa Melayu juga mampu berkembang dengan munculnya beberapa istilah baharu, di samping peluasan makna yang baharu bagi perkataan yang sedia ada dalam korpus bahasa Melayu. Hal ini melibatkan aspek sama ada perkataan ataupun istilah itu diserap langsung daripada bahasa Melayu, atau campuran dengan bahasa asing. Modifikasi bahasa yang popular ialah menggantikan huruf tertentu menggunakan angka. Misalnya, pengguna media sosial yang menulis,

“Aduh lapar” menjadi “4duh l4p4r”, “Berasa lapar” menjadi “13r4s4 l4p4r” dan “sedap gila” menjadi “s3d4p 61l4”. Jika diperhatikan, pengguna media sosial lebih gemar menggunakan huruf besar apabila menulis sesuatu perkataan atau frasa yang menggabungkan huruf dan angka. Contohnya, “SELAMAT DATANG” menjadi “53L4M47 D474N6” dan “MURAH DAN SEDAP” menjadi “MUR0H D4N S3D4P”. Yang berikut dipaparkan pengalihan daripada abjad kepada angka atau nombor yang biasanya dilakukan oleh pengguna media sosial apabila menulis komen atau status dalam media sosial:

- Huruf A biasanya diwakili oleh angka 4.
- Huruf B biasanya diwakili oleh angka 8 atau 13.
- Huruf E biasanya diwakili oleh angka 3.
- Huruf F biasanya diwakili oleh angka 7.
- Huruf G biasanya diwakili oleh angka 6.
- Huruf J biasanya diwakili oleh angka 7.
- Huruf O biasanya diwakili oleh angka 0.
- Huruf S biasanya diwakili oleh angka 5.
- Huruf T biasa diwakili oleh angka 7 (huruf J, T dan F sering dimodifikasikan dengan angka 7).
- Huruf Z biasanya diwakili oleh angka 2.

Modifikasi bahasa juga berlaku pada ejaan perkataan yang divariasikan hurufnya. Misalnya, yang paling umum ialah ejaan perkataan yang menggantikan huruf “k” dengan huruf “q”, contoh perkataan “aku” dieja “aqu”. Contoh lain ialah penggunaan huruf x menggantikan “tak”, contohnya “tak nak” ditulis “xnak” dan angka 2 untuk kata ganda, contohnya “bila-bila masa” ditulis “bila2 masa”. Memang diakui bahawa bentuk modifikasi bahasa yang memenuhi ruang komen dan hantaran dalam media sosial ini melanggar hukum tatabahasa dan merosakkan ejaan perkataan yang betul dalam bahasa Melayu. Namun begitu, sekilas pandang, modifikasi bahasa ini menunjukkan kreativiti pengguna media sosial menggabungkan huruf, angka dan simbol dalam pengejaan sesuatu perkataan.

Modifikasi bahasa yang terjadi dalam media sosial tidak hanya menggantikan huruf dengan angka serta ejaan perkataan yang divariasikan hurufnya. Seiring dengan hal itu ialah kemunculan istilah atau perkataan baharu yang biasanya hasil ubah suai daripada perkataan yang sudah sedia ada. Contohnya, “min” daripada perkataan “admin” dan “mod” daripada “moderator”. Begitu juga dengan aspek peluasan makna baharu terhadap perkataan yang sedia ada turut berlaku dalam komunikasi menggunakan media sosial. Perkataan yang mempunyai makna baharu paling popular ialah “bawang”, “pembaris”, “payung” dan “kunyit”. Contoh makna baharu bagi “pembaris” adalah seperti dalam ayat “Simpan sedikit pembaris tu utk anak bini kat umah”. Jika mahu mengetahui makna baharu beberapa perkataan tersebut, baca sahaja komen dan hantaran yang dibuat oleh pengguna media sosial sama ada dalam Facebook ataupun Instagram.

Modenisasi bahasa juga turut berlaku seiring dengan ledakan teknologi komunikasi yang disarutkan dengan pelbagai aplikasi melalui komputer dan telefon pintar. Kini, kemunculan dan penggunaan bahasa moden yang bersifat rancu

digunakan secara berleluasa dalam media sosial. Perkara ini menjadi isu yang perlu diberikan perhatian kerana penggunaannya yang meluas memang amat membimbangkan sehingga menyebabkan bahasa Melayu yang indah kian dilupakan dan semakin kurang penggunaannya dalam komunikasi media sosial.

Nur Azlina dan Nurhasyinda dalam kajiannya bertajuk “Modenisasi Bahasa dalam Kalangan Generasi Z” menyatakan bentuk ejaan bahasa yang dimodenisasikan dalam media sosial tidak difahami oleh orang yang membacanya. Hal ini disebabkan modenisasi bahasa ini menggunakan perkataan dan ayat yang dianggap “baharu”, yang memang tidak lazim dieja sedemikian rupa dalam kalangan masyarakat secara umum. Contohnya adalah seperti yang berikut:

“adewkah aq y blsh ngn pew y tjd??? Pitkh aq mtk mf kt mrk. Semuener aq y d pshkn.... em mrk x der wat sl pew2 pown.....”

Jika diteliti komunikasi tersebut, maksud sebenar yang ingin disampaikan oleh pengguna media sosial tersebut ialah “Adakah aku yang bersalah dengan apa yang terjadi? Patutkah aku minta maaf kepada mereka. Semuanya aku yang dipersalahkan. Macam mereka tidak ada buat salah apa-apa pun...”. Jelas bahawa modenisasi bahasa ini menunjukkan pengguna media sosial menggunakan bentuk ayat dan ejaan yang hanya dia sendiri mengetahui maknanya. Hal ini memang jelas menggambarkan pengguna media sosial memiliki penguasaan bahasa Melayu yang rendah selain meremehkan penggunaan bahasa yang baik dan betul.

Modenisasi bahasa dalam media sosial juga melibatkan penggunaan perkataan yang disingkatkan ejaannya. Bagi Nik Safiah Karim (2010), berlaku penggunaan ejaan yang ringkas secara berleluasa disebabkan penerimanya lebih selesa malah turut menggunakan



Kain rentang yang menggunakan ejaan yang salah, iaitu ejaan yang diringkaskan mengikut kelaziman ejaan oleh pengguna media sosial dalam komunikasi media sosial.

perkataan yang disingkatkan ejaannya apabila membalas komen atau mesej yang diterima dalam media sosial.

Kesannya, pengguna media sosial kurang berminat untuk berkomunikasi melalui bahasa Melayu yang memiliki tatabahasa dan frasa yang lebih tersusun. Akibat berleluasanya penggunaan ejaan yang singkat dalam komunikasi media sosial, ada pihak yang terikut-ikut bentuk ejaan sedemikian apabila membuat hebahan kepada orang awam. Misalnya, hal ini berlaku pada kain rentang yang diletakkan di tempat awam yang jelas menggunakan perkataan yang disingkatkan ejaannya. Dalam media sosial, kebiasaannya, sesuatu perkataan itu dieja singkat menjadi tiga dan dua huruf sahaja, contohnya “rumah” dieja “rmh”, “jadi” dieja “jd” dan “suruh” dieja “suh”. Penggunaan bahasa yang tidak betul dan bentuk ejaan yang diringkaskan ini dikhuatiri akan menyapakan kemurnian dan keaslian bahasa Melayu selain akan menyebabkan generasi muda tidak mengetahui ejaan yang betul bagi sesuatu perkataan dalam bahasa Melayu.

Selain modifikasi dan modenisasi bahasa yang menunjukkan pelanggaran ketara pada aspek ejaan dan tatabahasa, pengguna media sosial juga menunjukkan kreativiti untuk

menyampaikan komen dan mesej mereka. Beata Jungselius dari University of Gothenburg telah mengkaji penggunaan Instagram dan WhatsApp, termasuk kajian dari aspek komunikasi dan bahasa dalam media sosial itu sejak tahun 2012. Hasil penelitiannya Beata mendapati pengguna media sosial, terutamanya WhatsApp lebih cenderung menggunakan bentuk interaksi yang pelbagai seperti teks, gambar dan video. Kemudian, bentuk komunikasi dan interaksi WhatsApp menjadi lebih “meriah” dengan wujudnya emoji/emotikon dan pelekat (*sticker*).

Pada hari ini, penggunaan emoji dan pelekat yang memaparkan imej tertentu untuk membalas mesej seseorang merupakan suatu perkara yang tidak dapat dielakkan. Terdapat pelbagai pilihan emoji dan pelekat yang digunakan untuk berkomunikasi melalui WhatsApp, yang secara langsung mendatangkan rasa seronok kepada pengguna media sosial tidak kira tua atau muda. Hal ini disebabkan penggunaan emoji dan pelekat itu mampu menggambarkan perasaan seseorang sama ada suka, gembira, sedih, marah ataupun sinis.

Penggunaan pelekat dilihat lebih mampu menggambarkan ekspresi bahasa dan emosi pengguna media sosial semasa berinteraksi sama ada secara peribadi ataupun dalam kumpulan sembang WhatsApp. Hal

inilah yang dikatakan kreativiti interaksi dalam media sosial. Pengguna media sosial tidak lagi membalas mesej atau menghantar pesanan menggunakan teks, tetapi sekadar menghantar



Penggunaan pelekat yang mendominasi komunikasi dalam WhatsApp pada hari ini.

pelekat sebagai balasan. Pelekat yang digunakan juga disertakan dengan teks ringkas sesuai dengan imej dan visual pelekat yang digunakan dalam komunikasi. Paparan pelekat juga lebih berkesan berbanding dengan teks, khususnya apabila menyampaikan kata-kata seperti "tahniah", "terbaik",

"sabar" dan "semoga berjaya". Selain kelihatan menghiburkan, penggunaan pelekat bagi menggantikan mesej dalam bentuk teks juga jelas, malah difahami oleh pengguna media sosial yang menerima pelekat tersebut. Dalam hal ini, penggunaan pelekat seolah-olah menenggelamkan penghantaran mesej berbentuk teks sekali gus mengurangkan kesalahan bahasa kerana lazimnya pelekat hanya disertakan dengan satu hingga tiga perkataan yang lebih berbentuk ekspresi. Namun begitu, pengguna media sosial, terutama generasi muda berkemungkinan tidak mengetahui bentuk dan gaya bahasa komunikasi yang betul dalam bahasa Melayu.

Yang pastinya, penggunaan pelekat dalam interaksi media sosial menyebabkan berlakunya manipulasi gambar individu, khususnya wajah artis atau tokoh politik yang digunakan untuk menghasilkan pelekat berserta kata-kata lucu, sindiran, teguran dan lain-lain. Akibatnya, bertebaranlah pelekat berwajah artis atau tokoh politik di alam siber apabila disebar oleh seorang pengguna media sosial kepada pengguna yang lain atau daripada satu kumpulan sembang WhatsApp kepada kumpulan sembang yang lain.

Komunikasi dalam media sosial juga mencetuskan kecelaruan bahasa apabila warga siber menggunakan bahasa secara sewenang-wenangnya. Komunikasi secara interpersonal dalam media sosial boleh mendatangkan impak yang negatif sekiranya penggunaan bahasa tidak dikawal. Kebebasan untuk menyuarakan pendapat dan pandangan peribadi memperlihatkan keghairahan pengguna media sosial untuk menyalahgunakan platform tersebut sehingga mempengaruhi nilai bahasa yang digunakan. Kepelbagaian ragam bahasa diaplikasikan tanpa mereka sedar telah memanipulasikan bahasa, iaitu menggunakan bahasa secara berkesan untuk mempengaruhi perlakuan dan pemikiran pihak lain. Namun begitu, pengguna media sosial tidak sedar akan penggunaan bahasa yang tidak sopan, kasar dan kesat mampu

mewujudkan pelbagai konflik seperti kemarahan, salah faham, ketidakpuasan hati dan menyinggung perasaan pihak lain. Bahasa dalam media sosial Instagram yang rata-rata menjadi pilihan dan diakses oleh majoriti generasi muda Malaysia, memperlihatkan ketidaksantunan berbahasa telah menjadi suatu kebiasaan dan menular dalam kalangan generasi tersebut. Rentetan itu, kesantunan berbahasa semakin lenyap dalam media sosial, malah gejala ketidaksantunan berbahasa pula semakin menonjol (Zaitul Azma *et al.*, 2014). Yang jelas, sejak kewujudan media sosial, gaya bahasa yang digunakan untuk berinteraksi di dunia siber kelihatan kurang menyenangkan dan jelas mempamerkan bahasa yang kurang sopan selain menyalahi hukum tatabahasa. Cara seseorang berbahasa apabila memberikan komen spontan terhadap sesuatu isu juga jelas menampakkan sikap tidak berfikir sebelum menulis.

Perkembangan teknologi dan media sosial sememangnya memberikan ruang kepada masyarakat untuk mengemukakan pendapat secara terbuka, namun revolusi ini dilihat memberikan kesan yang besar dari aspek penggunaan bahasa. Natiujahnya, perkataan dan penulisan yang baik sememangnya ada kaitan dengan peribadi seseorang. Bahasa yang baik melalui tulisan atau yang diungkapkan melalui percakapan boleh mendidik jiwa dan rohani kita ke arah kebaikan dan keharmonian dalam interaksi sosial secara realiti atau dalam talian secara maya.

Apabila kita menulis perkataan yang baik, hal itu menjadi pendorong dan semangat kepada orang yang membacanya, sebaliknya jika perkataan yang ditulis dengan penuh emosi dan sangat memalukan, hal itu secara tidak langsung boleh menjatuhkan maruah orang yang menulis. Penggunaan bahasa yang baik dan bersopan pula mempamerkan diri kita sebagai bangsa yang berpekeriti tinggi dan berakhlak mulia kerana bahasa menunjukkan bangsa; apabila bahasa hilang nilai murninya, maka rosaklah bangsa. **PB**